

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi bidang kuasa Mahkamah Syariah supaya dapat menjatuhkan hukuman yang lebih berat ke atas kesalahan qazaf bukan sahaja di Wilayah Persekutuan bahkan di seluruh Malaysia.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam memperkasa dan meluaskan kuasa Mahkamah Syariah secara menyeluruh dan komprehensif. Dalam hal ini, menaikkan kadar hukuman atau bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam bidang jenayah adalah merupakan salah satu aspek penambahbaikan untuk memperkasakan Mahkamah Syariah.

Kerajaan akur bahawa bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah terbatas dengan peruntukan di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa

NO. SOALAN : 49

Jenayah) 1965 [Akta 355] dan kadar hukuman yang diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] adakalanya tidak setimpal dengan jenis kesalahan yang ditetapkan. Sebagai contoh, kesalahan qazaf di bawah seksyen 41 Akta 559 memperuntukkan bahawa:

“Kecuali dalam kes li'an, mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan zina tanpa mengemukakan, mengikut Hukum Syarak, empat orang saksi lelaki atau iqrar orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

Bagi kesalahan qazaf, pada hari ini, ia adalah terhad kepada tuduhan melakukan zina tanpa mengemukakan empat orang saksi lelaki atau iqrar orang yang dituduh. Oleh itu, untuk memastikan undang-undang sedia ada relevan dengan suasana semasa tanpa mengenyahkan kehendak Hukum Syarak dan prinsip-prinsip keadilan, Kerajaan sedang dalam proses untuk menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di seluruh Malaysia. Antara pindaan yang akan turut dipertimbangkan ialah memperuntukkan kesalahan menuduh orang melakukan maksiat seperti liwat, persetubuhan luar nikah dan musahaqah.

Selain itu, Kerajaan juga berhasrat untuk meminda Akta 355 bagi memastikan hukuman yang diperuntukkan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh dilaksanakan secara berasingan kerana aspek pemerksaan Mahkamah Syariah terutamanya dalam bidang jenayah bukan sahaja tertumpu terhadap isu bidangkuasa atau had hukuman di bawah Akta 355 semata-mata, akan tetapi ia meliputi pelbagai aspek yang lebih penting seperti peningkatan tahap kompetensi Hakim, Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama, penambahbaikan aspek tadbir urus dan prasarana pihak-pihak yang terlibat, penggubalan dan pindaan undang-undang Syariah sedia ada dan penyeragaman dan penyelarasan undang-undang

NO. SOALAN : 49

Syariah. Aspek-aspek ini juga adalah penting dalam memperkasa Mahkamah Syariah.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan sedang meneliti secara lebih mendalam dan holistik Akta 355 dan undang-undang lain yang berkaitan dengannya sebelum sebarang pindaan dan penambahbaikan dibuat terhadap Akta tersebut dan undang-undang lain yang berkaitan dengannya bagi memastikan aspek pemerkasaan Mahkamah Syariah terutama dalam aspek bidangkuasa tercapai seiring dengan aspek-aspek lain yang perlu diberi penekanan.

Sekian, terima kasih.